

SULIT

NO. KAD PENGENALAN/
NO. SIJIL KELAHIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--



**SEKTOR PENGURUSAN AKADEMIK
JABATAN PELAJARAN PERAK
MAJLIS GURU BESAR NEGERI PERAK
DAN YAYASAN PERAK**



**UJIAN PENCAPAIAN SEKOLAH RENDAH 2011
(PERCUBAAN)**

BAHASA MELAYU – PENULISAN

012

Julai

1 ¼ jam

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Tulis nombor kad pengenalan atau nombor sijil kelahiran dan angka giliran kamu pada petak-petak yang disediakan.*
2. *Kertas soalan ini mengandungi tiga bahagian: Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.*
3. *Kamu hendaklah menjawab ketiga-tiga bahagian.*
4. *Bagi Bahagian B, kamu boleh memilih sama ada menjawab Soalan 1, Soalan 2 atau Soalan 3.*
5. *Jawapan kamu hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas soalan ini. Sekiranya ruang yang disediakan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama kertas soalan.*

Untuk Kegunaan Pemeriksa		
Bahagian	No. Soalan	Markah
A		
B		
C		
JUMLAH		60

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.


Bahagian A

[10 markah]

[Masa dicadangkan : 15 minit]

Gambar di bawah menunjukkan suasana temasya sukan di sebuah sekolah.

Tulis lima ayat yang lengkap tentang aktiviti-aktiviti yang terdapat dalam gambar tersebut.



Bahagian B

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 40 minit]

Pilih satu daripada tajuk-tajuk di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 80 patah perkataan.

- 1** Loceng sekolah berbunyi. Semua murid keluar dari kelas masing-masing untuk pulang ke rumah. Aku berjalan ke perhentian bas yang terletak di hadapan sekolah. Tiba-tiba ...

Mulakan cerita kamu dengan:

Tiba-tiba ...

ATAU

- 2** Sekolah yang bersih dan ceria menjamin keselesaan untuk murid-murid belajar.

Tulis sebuah karangan tentang cara-cara menjadikan sekolah kamu bersih dan ceria.

ATAU

- 3** Sekolah kamu akan mengadakan majlis perpisahan bagi murid-murid tahun enam. Selaku ketua murid, kamu diminta untuk menyampaikan ucapan dalam majlis tersebut.

Tulis ucapan kamu selengkapnya.

Bahagian C

[20 markah]

[Masa dicadangkan : 20 minit]

Tulis lima nilai yang dapat kamu peroleh daripada petikan di bawah.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 50 patah perkataan.

Tulis jawapan kamu dalam satu perenggan.

Salmi : Sejak akhir-akhir ini, kita dapat melihat banyak kemudahan sukan telah disediakan oleh kerajaan.

Aina : Yalah. Kita digalakkan bersukan kerana aktiviti ini akan menyihatkan badan dan dapat menghindari penyakit.

Salmi : Benar kata awak, Aina. Kita sepatutnya memanfaatkan segala kemudahan dengan sebaik-baiknya supaya kemudahan yang disediakan itu tidak akan dibazirkan begitu sahaja.

Aina : Selain itu, menyertai kegiatan sukan dapat mengisi masa lapang agar kita tidak melakukan sebarang aktiviti yang tidak berfaedah.

Salmi : Sekiranya kita menyertai satu-satu pertandingan sukan pula, kita mesti bersemangat tinggi ketika bertanding supaya kita berjaya.

Aina : Di samping itu, murid yang melibatkan diri secara aktif dalam bidang sukan dan dilatih dengan secukupnya, amat berpotensi untuk menjadi seorang jaguh sukan pada masa hadapan.

Salmi : Aina, pernahkah kamu terbaca berita mengenai kemudahan-kemudahan sukan yang telah dirosakkan?

Aina : Ya, memang pernah. Tidak patut sungguh perbuatan mereka yang melakukannya. Kita sepatutnya menjaga segala kemudahan sukan yang telah disediakan oleh kerajaan.

